



Ahli FoodShare:

Anda mungkin boleh mendapat lebih banyak faedah FoodShare jika anda mempunyai perbelanjaan perubatan yang anda bayar menggunakan wang anda sendiri.

(FoodShare Members: You may be able to get more FoodShare benefits if you have medical expenses that you pay out of your own pocket.)

- Adakah anda mendapat faedah FoodShare?
- Adakah anda berumur 60 tahun ke atas, buta atau kurang upaya?
- Adakah anda mempunyai perbelanjaan perubatan yang anda bayar sendiri?

Jika anda berkata "Ya" kepada ketiga-tiga soalan, anda mungkin boleh mendapat lebih banyak faedah FoodShare. Ini adalah kerana anda mungkin boleh mendapatkan kredit untuk sebahagian daripada wang yang anda belanjakan bagi perbelanjaan perubatan tertentu. Ini dikenali sebagai mendapat potongan perbelanjaan perubatan.

Contoh perbelanjaan perubatan yang layak termasuk:



Ubatan preskripsi



Ubatan tanpa preskripsi



Premium insuran



Cermin mata dan kanta sentuh

Ketahui lebih lanjut:

Untuk mengetahui tentang cara mendapatkan lebih banyak faedah FoodShare dengan melaporkan perbelanjaan perubatan tertentu, hubungi agensi tempatan anda melalui telefon, mel, faks atau secara fizikal. **Anda boleh mencari agensi tempatan anda dengan melayari dhs.wi.gov/forwardhealth/imagency/index.htm.**

Untuk maklumat lanjut tentang cara potongan perbelanjaan perubatan berfungsi, lihat panduan penuh dalam talian: www.dhs.wisconsin.gov/publications/p03315b.pdf.

Belum mendapat faedah FoodShare? Terdapat empat cara untuk memohon:

Dalam talian. Mohon pada laman web ACCESS di access.wi.gov.

Melalui telefon. Untuk permohonan melalui telefon, hubungi agensi tempatan anda.

Melalui surat atau faks. Untuk permohonan melalui mel atau faks, hantar pemohonan yang lengkap kepada agensi tempatan anda.

Secara fizikal. Untuk permohonan secara fizikal, lawati agensi tempatan anda. Anda mungkin perlu membuat janji temu.